

LAWATAN KERJA AKS MATERIAL KE PU LABUAN

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2976-lawatan-kerja-aks-material-ke-pu-labuan

LABUAN, 29 Jan 18 - AKS Materiel, YBhg Brig Jen Dato' Dr Mohd Yunus bin Masjuki TUDM dan rombongan telah mengadakan Lawatan Kerja ke Cawang Materiel Pangkalan Udara Labuan. Kehadiran YBhg AKS Materiel telah disambut oleh Ketua Cawang Materiel PU Labuan, Mej Haszainol bin Hj Hassan TUDM.

Dalam rangka lawatan beliau, satu sesi taklimat turut diadakan di Bilik Mesyuarat Cawang Materiel sebelum melakukan lawatan ke stor-stor dan pejabat yang baharu dalam penambahbaikan sistem organisasi di Cawang Materiel. Ketua Cawang Materiel PU Labuan telah memberi cenderahati sebagai kenangan kepada YBhg AKS Materiel sempena lawatan beliau di Cawang Materiel, PU Labuan.

